

Sila semak semasa di lafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DI HARI PERASMIAN, HARI UCAPAN DAN
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
SEKOLAH MENENGAH PEREMPUAN ST. MARY
DI KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 10 MEI 1997
JAM 9.00 PAGI

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak sekolah ini kerana menjemput saya balik ke sekolah lama saya untuk merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah yang terakhir di **dalam** bangunan asal St. Mary ini.

2. Saya amat gembira menerima jemputan ini kerana kehadiran saya di sini membawa kembali banyak nostalgia di samping berasa sedih juga kerana sekolah ini akan dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai dan mungkin luas lagi. Kini Sekolah St. Mary, menjangkau usia 85 tahun. Sungguhpun sekolah ini kelihatan masih kukuh, ianya tidak lagi sesuai dan mampu untuk menampung alat-alat yang canggih dan moden jika hendak dilaksanakan program "smart school". Di dalam era baru ini, di mana persaingan menjadi hebat untuk merebut tahap yang terbaik dan cemerlang, sekolah-sekolah tidak terkecuali daripada perlumbaan mempersiapkan diri untuk menjadi "smart schools" yang akan melanda dunia persekolahan ke abad 21 nanti.

3. Oleh demikian, daripada satu sudut kita sayangkan Sekolah **St.** Mary yang asal ini tetapi dari sudut yang lain, kita tidak boleh mengetepikan pembaruan yang datang terutama dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berfikir, 'motivated', aktif dan cekap menggunakan alat-alat canggih dan moden. Sebab itu, emosi

perlu diketepikan dan saya yakin sekolah **St. Mary** yang baru akan mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang sama **kalau** tidak **lebih** lagi daripada sekarang.

4. Sebagai bekas pelajar sekolah ini, dan **oleh** kerana ini adalah kali terakhir kita bersama-sama di sini, saya ingin mengambil peluang berkongsi sedikit kenangan-kenangan manis saya sepanjang tujuh tahun berada di **St. Mary** dan juga menyatakan penghargaan dan terima kasih saya kepada guru-guru yang telah mendidik saya dahulu. Setelah dua tahun di **Std. Nought** di **M.G.S.K.L.**, saya bermula bersekolah di Darjah 1 **St Mary's** pada 1934. Tiada sekolah petang ketika itu, dan bilangan pelajar dalam sesuatu kelas adalah tidak lebih daripada 20 orang. Saya ingat lagi ketika di Darjah 6, pelajar-pelajar Darjah 6 dan 7 berkongsi kelas kerana bilangan pelajar kecil dan satu guru mengawal kedua-dua kelas. Manakala satu kelas membuat 'composition', dan senyap, darjah yang berkongsi mempelajari subjek yang lain dengan guru yang sama.

5. Sepanjang tujuh tahun saya di **St. Mary**, Pengetuannya ialah **Miss Pring**, a very English and gentle person. She was kind but strict. She taught us Biology and Nature Study in **Std. 8** and **School Certificate**. The last time I saw **Miss Pring** was on 8th December, 1941 when after completing one exam paper in this very Hall, I went to see her for a letter to get concession train tickets to go to Penang for the holidays. She and **Miss Carpenter** who was with her just smiled, not wanting to disappoint nor frighten me with news of the bombing of Singapore and Penang by the Japanese that fateful morning.

6. **Miss Pring** as we all know was evacuated to India where she died there. Her Assistant **Miss Florence Carpenter** came about one or two years before the war. **Miss Carpenter** was a big problem to the seniors when she first came because of her speech and pronunciation. Dictation was a compulsory subject and those who

failed in it, failed the whole exam. Students wept after the dictation exam because they just couldn't understand what Miss Carpentar read to them.

7. Miss Carpentar left with Miss Pring in Dec. 1941 for India but returned in 1946 to take over St. Mary. I remember her riding her bicycle to Pudu English School, where I was to repeat my School Certificate. There was no School Certificate class in St. Mary in 1946, and so Miss Carpentar came to teach English Literature and History at the P.E.S.

8. Miss Carpentar returned and lived in England but before she died in 1988, I remember her visiting us again, by the kind and generous arrangements made by former students of St. Mary. I hosted a dinner for her in our residence. It was indeed sad that she should spend the last days of her life in a Home for the Aged and the Crippled.

9. Another teacher who taught me and who had departed was Miss Alice Doughty. We had her in Std. 3 and in different classes throughout my school years teaching in various subjects. She was a disciplinarian but a loveable person, stout and jolly. She now reminded me of Mrs. Doubtfire, the male character of that film. Unfortunately, she evacuated to Indonesia with her sister during the war and being of Dutch ancestry, they were detained and suffered a lot in the concentration camp. They survived. The last time I saw her was when I visited her at the former Lady Templer's Hospital where she was residing and treated for her diabetes. Few years later she died.

10. I remember Mrs. Me Leod, a matronly teacher who taught the kindergarten classes but came to Std. 1 to teach us poems. What was special of Mrs. Me Leod was that she never failed to begin her class by laying on her table a number of postage stamps, picture stamps of sorts for exchange for ones that she didn't

have. It was fun for we both benefitted. Each bar of good Cadbury chocolate those days will have a picture stamps of birds, flowers, buildings etc. in a series which you paste in an album and when completed, exchanged it for a gift. What do we have these days?

11. Yes, to name the other teachers would take up the whole day. A number of them migrated to Australia when independence was achieved: Mrs Labrooy nee Miss Column with her habit of pinching us with her long nails, Miss Edith Yzelman, so gentle, pretty and kind. I loved her so much in Std. 6. Mrs. Donall who taught us dancing and singing. Mrs. Jumeau who married the surgeon and left after the war for Australia. We have lost touch of our dear teachers but wherever they are, be it in Heaven or Earth, we hope they are happy and thinking of us all especially today. God Bless them all.

12. Nowadays, science subjects are taught in all schools. Even in the 1940s, St. Mary had no science laboratory. Biology was the only science subject and those who wished to do Physics and Chemistry will have to be tutored, invariably by science teachers from the Victoria Institution who had even then, science laboratory and swimming Pool.

13. English Literature was my favourite subject and from Std. 8 and School Certificate we were doing the classics such as pride and Prejudice, Julius Caesar, As You Like it and other shakespeare's stories.

14. Singing was an essential subject and schools used to have Inter-School Competition in Choral singing. Badminton and netball were our sport activities. It was from here that badminton flowed in my veins and I still play the game after a lapse of 40 years!

15. Ketika itu, keadaan amat tenang dan aman. Ibu bapa tidak risau mengenai anak-anak mereka ke sekolah. Tiada supermarket, tiada dadah, tiada gejala-gejala sosial yang lain. Ketika itu juga, ibu-ibu tidak begitu berkebolehan, tidak pandai bermesra dengan pihak sekolah mengenai anak-anak mereka. Tetapi ibu-ibu berada di rumah dan menjaga anak masing-masing. Ibu saya melahirkan 10 anak dan kami tidak mendatangkan masalah kepada ibu bapa kami. Yang mendorong kami belajar ialah ibu bapa kami sendiri tanpa desakan untuk kami mencapai tahap keunggulan.

16. Guru-guru tidak ramai tetapi kesemuanya melakukan tanggungjawab masing-masing dengan baik. Pelajar-pelajar dalam satu kelas pun tidak lebih daripada 20 orang.

17. Dunia mesti berubah dan kita jua mesti berubah, sekiranya inginkan kemajuan diri setimpal dengan perubahan yang berlaku di sekitar kita. Inilah cabaran yang kita hadapi sekarang. Masyarakat perlu berhadapan dengan cabaran ini dan mengatasinya bersama-sama.

18. Kita akui umur remaja ialah tahap yang paling sensitif, sukar ditempuhi tetapi pada tahap itulah remaja boleh dibimbing dengan baik ke arah hidup yang sihat, berkualiti dan bermakna. Memandangkan betapa pentingnya generasi muda sebagai pengganti lapisan dewasa yang memimpin dan menerajui Kerajaan, swasta dan lain-lainnya sekarang, usaha-usaha dari semua pihak perlulah dirancang supaya mereka dihindar daripada gejala-gejala sosial. Negara perlu mempunyai generasi yang bersih dan cekap mengambilalih dan meneruskan pencapaian dan perkembangan negara ke tahap yang lebih cemerlang lagi.

19. Kepada ibu bapa letaknya tanggungjawab mendidik anak masing-masing dari lahir sehingga dewasa. Kita sendiri perlu melengkapkan diri dengan maklumat yang ada sekarang supaya mudah diterangkan kepada anak-anak. Selain daripada subjek sekolah,

ibubapa harus memastikan anak-anak mendapat ajaran agama supaya mereka berdayatahan dalam menghadapi cabaran-cabaran yang boleh merosakkan diri mereka. Kesemua agama menganjurkan amalan baik dan mulia dan nilai-nilai murni inilah yang sentiasa diperitikankan kepada anak-anak kita supaya mereka menghormati agama, ibubapa dan orang tua, berinsaf dan bersyukur dan berusaha menjadi insan yang bertakwa kepada Tuhan serta bersifat kebajikan dan penyayang terhadap masyarakat.

20. Tanggungjawab guru-guru sudah dikenalpasti, dan mereka telahpun melakukan peranan mereka dengan sebaik-baiknya hinggalah sekolah St. Mary berjaya mencapai kelulusan 100 peratus dalam PMR dan 91.7 peratus dalam SPM tahun lepas. Syabas dan tahniah. Saya amat yakin kecemerlangan pencapaian ini akan dapat terus diperhebatkan dari setahun ke setahun oleh semua guru dan pelajar di St. Mary yang baru.

21. Saya tidak mahu mengulangi nasihat-nasihat dan peranan-peranan yang sentiasa dilaungkan sejak timbulnya gejala sosial di negara kita. Memadailah saya berkata di sini bahawa pelajar-pelajar kini tidak berbeza dari saya sewaktu saya berusia remaja seperti anda. Perasaan dan aspirasi sama, tetapi yang ketara perbezaan antara pelajar-pelajar dan saya dahulu ialah keadaan sekeliling anda sekarang yang pesat berubah dan berkembang maju. Dari sinilah cabaran-cabaran ini datang dan pelajar-pelajar harus bijak mengenal pasti mana yang baik untuk diserapkan dalam pemikiran anda dan mengenyahkan yang buruk dan merosakkan anda. Oleh itu, dalam dunia remaja sekarang, peluang untuk pelajar melengkapkan diri dengan nilai-nilai yang mulia dan ilmu pengetahuan yang tinggi adalah amat luas. Terpulanglah kepada pelajar-pelajar yang amat bertuah ini, untuk merebut peluang-peluang yang baik ini. Masa tidak akan berulang lagi. Oleh itu, pelajar-pelajar yang dikasihi, janganlah buang masa keemasan ini dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Ibubapa, guru-guru dan kaunselor akan bersama-sama membimbing. Tidak ada lain

kepuasan pada hati seorang ibu atau bapa, dan guru selain **melihat** anak dan **pelajarnya berjaya**. Pengorbanan ibubapa dan guru **perlu dihargai tinggi**. Bapa saya sendiri menghantar kami **setiap** hari, pagi dan petang ke **sekolah**. Di Kelang, abang-abang dan kakak saya dihantar ke sekolah **Melayu** pagi **Isnin** hingga **Jumaat**, ke sekolah Inggeris pada **pagi** Sabtu dan **Ahad** dan setiap tengahari **lepas makan** ke **kelas agama**. Begitu juga bagi saya di Kuala Lumpur: Monday - Friday mornings to **St. Mary**, Saturday - Sunday to Malay Girls Sekolah **Kampung** Bharu until Standard 3 and Kelas Agama dan Quran every afternoon. God bless my parents and my teachers who gave me the basic education and encouragement to face the unknown world and be what I am today.

22. Adalah menjadi harapan saya bahawa sekolah **St. Mary** ini akan terus **memainkan** peranan penting bagi **melahirkan pelajar-pelajar** berakhlak **mulia** dan berpegang teguh kepada **ajaran** agama yang sebenarnya **demi menghadapi** cabaran hidup **masa** depan.

23. Saya ucapkan **tahniah** kepada **pelajar-pelajar** yang akan **menerima** hadiah-hadiah, **piala** dan biasiswa pada hari **ini**. **Semoga** kejayaan mereka akan **memotivasikan** **pelajar-pelajar** lain untuk **berusaha** dengan **lebih** giat **lagi**.

24. Dengan **lafaz bismillahir rahmanir rahim**, saya merasmikan Hari **Ucapan** dan Penyampaian Hadiah Sekolah Menengah (**Perempuan**) **St. Mary** pagi **ini**.
